

NILAI PENDIDIKAN TALAALA DAN IMPAK KEPADA PEMBENTUKAN GENERASI MUDA KADAZANDUSUN

Rosliah Kiting¹, Rosy Talin² & Saidatul Nornis Mahali³

¹Universiti Pendidikan Sultan Idris

^{2, 3}Universiti Malaysia Sabah

ABSTRAK

Talaala merupakan puisi Kadazandusun yang kebanyakannya masih dalam bentuk tradisi lisan. Oleh itu kajian ini dilakukan untuk menganalisis nilai-nilai pendidikan yang terdapat dalam puisi ini dan impak kepada pembentukan generasi muda Kadazandusun. Reka bentuk kajian kualitatif digunakan dengan melaksanakan kerja lapangan untuk mengumpul data melalui temubual. Teori Fungsi Bascom dan Model Kesantunan Berbahasa Leech digunakan untuk melihat nilai pendidikan dalam *talaala*. Analisis data mendapati *talaala* mempunyai nilai-nilai pendidikan untuk membentuk generasi yang mementingkan keluarga, bijak menangani perasaan dan berhati-hati dalam menghadapi pelbagai jenis pengaruh. Nilai-nilai pendidikan ini memberikan impak kepada pembentukan generasi yang berdiplomasi, bertoleransi, menghormati, sopan santun, rasional dan bijaksana. Nilai-nilai ini penting untuk merealisasikan matlamat Falsafah Pendidikan Negara untuk melahirkan generasi yang kaya dengan pemikiran dan pancaran budi serta seimbang dari segi jasmani dan rohaniah.

Kata kunci: Talaala, Kadazandusun, Nilai, Pendidikan dan Impak

ABSTRACT

Talaala is a Kadazandusun poems mostly still in the form of oral tradition. Therefore this study was to analyze the educational values contained in this poem and the impact on the formation of the younger generation Kadazandusun. A qualitative study design was used to carry out field work to collect data through interviews. Bascom function theory and model politeness Leech used to see the value of education in *talaala*. Analysis of the data found *talaala* have educational value conscious generation to form a family, wise deal with feelings and cautious in dealing with a wide range of influences. This values education give an impact on the formation of a generation of diplomacy, tolerance, respect, courtesy, rational and wise. These values are essential to realizing the goals of the National Education Philosophy to produce a generation that is rich in thought and absolute emission and balanced physically and spiritually.

Keywords: *Talaala, Kadazandusun, values, education and impact*

PENGENALAN

Setiap kelompok manusia secara umumnya memiliki karya sastera sama ada sastera lisan atau tulisan. Sastera lisan atau folklor lisan adalah sastera yang diperdengarkan (Bartlet, 1965). Tradisi lisan mempunyai ciri-ciri tertentu iaitu bersifat tradisional, mempunyai bentuk berbagai versi (version) dan penciptanya tidak diketahui

atau *anonymous*. Ianya adalah milik bersama dan mempunyai fungsi seperti menghiburkan hati, mengajar kanak-kanak tentang nilai sosial setempat. Demikian juga dengan masyarakat Kadazandusun yang kaya dengan tradisi lisan. Antaranya adalah *talaala*, *sudawil*, *tinggono*, *surolo*, *taboi-aboi*, *sundopiton*, *tuntura*, *tudodoi*, *kiaton*, *sandalom*, *luntiou*, *bandak*, *lilinggoon*, *kalang*, *solokou*, *boor*, *kasangsi*, *suriban*, *sorungal*, *tabaiyinchi*, *sinongguwinan*, *ganggal*, *todindot*, *lalanu*, *surindi*, *magandam*, *ransalin*, *tuniuni*, *dihohoi*, *gadung*, *tandiadi* dan puluhan jenis *rinait*.

Penulisan ini difokuskan kepada salah satu jenis puisi lisan Kadazandusun yang disebut *talaala*. *Talaala* adalah puisi yang menyerupai pantun yang mempunyai dua bahagian iaitu pembayang dan maksud. Pembayang disebut *balaan*, *ponginduo* atau *poninduai* merupakan dua baris pertama manakala bahagian makna di sebut *pongotos*, *komoyon kopio* atau *pongutas* adalah baris ketiga dan keempat. Struktur *talaala* adalah seperti berikut:

<i>Muli ko nopo id walai</i>	Jika anda pulang ke rumah
<i>Hilo id Kampung Kilakou</i>	Di Kampung Kilakou
<i>Kada no kama lihuai</i>	Jangan sekali-kali lupakan
<i>Koubasanan tinaru tokou</i>	Kebudayaan bangsa kita

Talaala di atas merupakan pendidikan agar di mana juga kita berada hendaklah mengabadikan budaya bangsa sendiri seperti mementingkan bahasa ibunda yang menunjukkan bangsa. Pesanan ini bukan bermakna menolak kepentingan bahasa lain terutamanya Bahasa Melayu sebagai bangsa kebangsaan dan bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa tetapi memegang konsep bahawa bahasa adalah pengenalan utama bangsa seseorang. Ini menggambarkan bahawa *talaala* sebagai tradisi lisan masyarakat Kadazandusun mempunyai fungsi sebagai pengucapan masyarakat ini. Oleh itu kertas kerja ini akan membincangkan fungsi puisi lisan *talaala* terutamanya dalam memberikan pendidikan yang terdapat dalam sejumlah rangkap *talaala* yang diperolehi melalui kerja lapangan dalam kajian ini.

Pernyataan Masalah

Meskipun masyarakat Kadazandusun mempunyai khazanah tradisi lisan yang banyak namun kebanyakkan genre ini masih disampaikan secara lisan dari satu generasi ke generasi seterusnya. Ini menunjukkan bahawa masyarakat Kadazandusun jauh ketinggalan dari segi penyelidikan khazanah lisannya (Tambung, 1994:3) dan Low Kok On, Janathan Kandok, Rosliah Kiting, Sim Chee Cheang dan Saidatul Nornis, 2013:4).

Selanjutnya, masyarakat Kadazandusun sangat kekurangan maklumat atau rekod-rekod yang dapat menunjukkan kegiatan kesenian dan kesusasteraan etnik Kadazandusun yang dihasilkan oleh masyarakat ini sendiri (Udong, 1995:28). Oleh itu penyelidikan yang dilakukan oleh ahli masyarakat ini penting kerana peluang untuk mengkaji tradisi budaya dengan mendalam akan tertutup dengan kehilangan pakar-pakar tradisi lisan atau tukang cerita pada suatu hari nanti sekiranya usaha genre ini tidak dilakukan dengan segera.

Tradisi lisan puisi *talaala* yang menyerupai pantun dipilih sebagai fokus kajian kerana kajian-kajian terdahulu mendapati tradisi lisan seperti genre pantun mempunyai fungsi yang penting dalam kalangan masyarakat pendukungnya. Umpamanya kajian berkaitan dengan genre tradisi lisan yang menyerupai pantun etnik-etnik di Sarawak yang dilakukan oleh Usop (2010) yang mendapati bahawa genre ini kaya dengan nilai peribumi dan memainkan peranan yang penting dalam masyarakat pendukungnya. Sementara kajian Ara (2010), Effendy

(2010), Rafiek (2012), Gani dan Abdulrahman (2012) serta Gani (2013) terhadap pantun Melayu Bangka, Dayak, Madihin, Managua dan Minangkabau mendapati pantun digunakan sebagai wadah untuk mendidik di samping sebagai hiburan dengan dibatasi oleh norma-norma sosial masyarakat pemiliknya. Dengan melihat fungsi puisi lisan tersebut, maka kajian ini akan melihat pula fungsi puisi *talaala* masyarakat Kadazandusun yang masih kurang dilakukan kajian.

Selain itu, penelitian terhadap buku-buku teks terutamanya buku teks sekolah rendah dan sekolah menengah Bahasa Kadazandusun, didapati *talaala* sangat kurang dimasukkan ke dalam kandungan buku teks ini. Situasi ini menggambarkan bahawa genre ini telah terpinggir sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran. Keadaan ini merupakan satu kerugian kepada pelajar yang mengambil subjek Bahasa Kadazandusun kerana penggunaan puisi rakyat sangat penting dalam pendidikan generasi muda di Malaysia untuk mendedahkan mereka kepada alam Malaysia yang lebih luas dan menimba banyak ilmu daripada warisan budaya penduduk pribumi sendiri. Sehubungan dengan itu, pengumpulan bahan-bahan sastera seperti *talaala* ini wajar dilakukan kerana bahan-bahan sastera dalam buku teks tidak mencukupi bagi memperkayakan pengalaman pelajar dengan bahan kesusasteraan sebenar yang lengkap. Bahan kesusasteraan dalam bentuk yang lengkap dapat menambah minat pelajar untuk membaca dan menikmati karya sastera sebagai warisan bangsa.

Selanjutnya, *talaala* yang menyerupai pantun mempunyai kepentingan untuk dijadikan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran di sekolah kerana menurut Effendy dan Asfar (2010:102) pantun merupakan media pengajaran *soft skills* yang dapat menyentuh nurani, rasa fikir dan logika. Membumikan pantun sebagai unsur soft skills sesungguhnya dapat menguatkan pendidikan karakter dan berperanan merestorasi peradaban bangsa. Pantun juga dapat menjadi media pendidikan yang ampuh dalam mengasah aspek kognitif, emosi dan tindakan sehingga akhlak mulia dapat terukir menjadi kebiasaan yang melekat dalam hati, otak dan perbuatan sehari-hari. Oleh hal yang demikian, adalah penting agar khazanah lisan seperti *talaala* yang merupakan warisan nenek moyang dikumpul melalui rakaman kemudian didokumentasi agar tidak luput ditelan zaman, dianalisis dari aspek peranannya yang sesuai dalam Falsafah Pendidikan Negara untuk dikemukakan sebagai bahan pengajaran di sekolah sebagai salah satu cara mewariskannya.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif etnografi yang dilaksanakan dengan konsep going native iaitu penyelidikan yang dilakukan dalam keadaan semula jadi dan berlatarbelakangkan budaya sebenar yang diselidik. Data dikumpul melalui proses participant observation dengan menggunakan teknik temu bual dan rakaman. Penyelidik menginterpretasi data berdasarkan perspektif informan kajian dalam bentuk deskripsi makna simbolik dan pola-pola interaksi sosial informan kajian. Dapatkan kajian dilaporkan seperti yang dinyatakan oleh informan kajian dengan menggunakan bahasa dan istilah setempat untuk menjelaskan sesuatu fenomena iaitu peranan pendidikan *talaala* sebagai interaksi sosial masyarakat pendukungnya.

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini mendapati bahawa *talaala* sebagai tradisi lisan masyarakat Kadazandusun mempunyai fungsi yang banyak terutamanya untuk memberikan pendidikan. Antara pendidikan yang ditekankan adalah sikap mementing keharmonian keluarga, bijak menangani perasaan dan berhati-hati menghadapi pengaruh. Kunci utama pendidikan yang ditekankan adalah sentiasa bersara sabar. Sabar bermakna orang yang mampu pengawal diri daripada melakukan kejahatan atau mengelakkan diri daripada mengikut perasaan. Kesabaran ini penting untuk melalui kehidupan yang mempunyai pelbagai cabaran agar mampu dilalui dengan baik.

Pelbagai situasi yang dihadapi dalam hidup seharian yang akan mencabar atau menyakitkan seperti kekasih dirampas, kehilangan orang yang disayangi, rasa lelah dalam melakukan kerja-kerja atau berhadapan dengan keadaan yang boleh mengugat kesetiaan. Dengan itu *talaala* dicipta sebagai saluran memberikan pendidikan agar menghadapi situasi tersebut dengan sabar. Ini menggambarkan bahawa masyarakat Kadazandusun menekankan kekuatan hati dan keteguhan iman menempuh kehidupan serta meneruskan perjuangan dengan berusaha mengatasi cabaran yang dihadapi. Terdapat beberapa keadaan yang memerlukan kesabaran telah dirakamkan dalam *talaala* seperti yang dibincangkan selanjutnya.

Hidup Berkeluarga Yang Harmoni

Hidup berkeluarga atau suami isteri mempunyai pelbagai cabaran. Cabaran-cabaran tersebut jika tidak ditangani dengan sabar boleh menjelaskan hubungan keluarga. Oleh itu, tradisi lisan *talaala* menyampaikan nasihat agar menjaga hubungan kekeluargaan dengan baik seperti setia dalam perkahwinan. Kesetiaan ini perlu dipegang semasa dalam pertunangan sehingga perkahwinan dan dalam kehidupan suami isteri. Ketika dalam pertunangan, adakalanya timbul cabaran. Antara cabaran adalah bertemu dengan yang lebih kaya seperti dalam *talaala* berikut:

<i>Langsat toniba-niba</i>	Langsat yang rendah-rendah
<i>Yoho gulu mimbabat</i>	Saya yang telah dahulu membersihkannya
<i>Rikot tagayo-gayo</i>	Apabila telah besar-besar
<i>Wokon no manalakoi</i>	Orang lain yang memanjatnya

Talaala di atas merupakan luahan perasaan seorang lelaki yang telah menjaga gadis tersebut sehingga dewasa namun apabila menemui lelaki yang berharta, segala jasanya dilupakan begitu sahaja kerana gadis tersebut berkahwin dengan lelaki yang lebih kaya. Amalan masyarakat Kadazandusun pada masa dahulu, adakalanya anak lelaki dan perempuan akan ditunangkan ketika kecil atau sekurang-kurangnya berumur sepuluh hingga dua belas tahun. Mereka dikahwinkan setelah matang. Sementara menanti waktu tersebut, lelaki akan datang membantu kerja-kerja di ladang ibu bapa gadis tersebut. Inilah yang dikatakan lelaki tersebut berjasa kepada gadis tunangannya. Oleh itu, *talaala* ini merupakan nasihat agar setia kepada tunang yang telah berjasa dan jangan mudah terpedaya dengan harta kerana ianya bukanlah jaminan kebahagiaan hidup selamanya. Selain itu, *talaala* juga memberikan pendidikan agar jangan mudah terpedaya dengan bentuk fizikal seseorang seperti dalam *talaala* berikut:

<i>Tua di bantang di badoi</i>	Buah si <i>bantang</i> si <i>badoi</i>
<i>Oulud di boros tumboyoo</i>	Tersusun perkataan yang baik
<i>Ada intong di tabadoi</i>	Jangan lihat yang tegap
<i>Amu ii ponunumboyo</i>	Kata-katanya tidak boleh mudah percaya

Talaala ini merupakan pesanan agar tidak mudah terpengaruh dengan kata-kata yang indah. Sebaliknya hendaklah bersabar dan menyelidik kebenarannya kerana adakalanya kata-kata yang kedengaran indah dan menarik ini mempunyai muslihat disebaliknya. Umpamanya seorang yang mengakui dirinya kaya dan berpangkat mungkin bertujuan untuk mengoda seseorang yang menerima pujukannya. Begitu juga dengan kata-kata manis daripada seorang peniaga yang pandai mempromosikan produk jualannya untuk mempengaruhi pembeli sedangkan kualiti barangannya mungkin tidak setimpal dengan harganya. Ketika menghadapi situasi seperti ini, seseorang hendaklah sabar mengawal nafsu agar tidak terpedaya.

Kesabaran juga diperlukan ketika menghadapi perpisahan kerana pepatah mengatakan setiap pertemuan pasti akan ada perpisahan. Begitu juga dengan pertemuan manusia sama ada pertemuan dalam majlis, pertemuan sebagai ahli keluarga, pertemuan sebagai kekasih seterusnya rumah tangga dan sebagainya, akan tiba masa untuk berpisah. Masyarakat Kadazandusun mempunyai *talaala* khusus yang disampaikan ketika berpisah sebagai pengucapan kesedihan kerana perpisahan, sebagai pengucapan doa atau sebagai tanda penghargaan.

Talaala yang diucapkan menggambarkan hati yang sedih kerana terpaksa berpisah. Sebagai contoh ketika merayakan sesuatu majlis seperti *kaamatan* (pesta menuai), *moginakan* (hari keluarga) dan sebagainya. Setelah majlis berakhir, semua tetamu akan pulang ke kampung masing-masing. Tuan rumah atau rakan yang ditinggalkan akan mengucapkan *talaala* berikut:

<i>Kotu-kotu lomiding</i>	Petik-petik <i>lomiding</i>
<i>Kotuo om longkiado</i>	Dipetik dan ditanggalkan
<i>Uridingon kui romou</i>	Mengalir air mataku
<i>Tantad tod mitongkiad</i>	Ketika kita berpisah

Lomiding adalah sejenis sayur yang diperoleh di hutan. Pokok yang masih muda berwarna kemerahan-merah akan dipetik untuk dijadikan sayur. Pokoknya akan dipotong kemudian daunnya akan ditanggalkan daripada batangnya untuk dijadikan sayur. Jika pokok *lomiding* ini boleh bersuara, sudah tentu akan berteriak kesakitan ketika dilakukan seperti itu. Kesakitan ini sebagai gambaran hati seseorang yang sedih kerana terpaksa berpisah dengan orang yang disayangi sehingga airmatanya mengalir.

Bijak Menangani Perasaan

Pepatah Melayu mengatakan ikut rasa binasa yang bermakna seseorang yang terlalu mudah dipengaruhi perasaan berkemungkinan akan binasa kerana desakan perasaan boleh menyebabkan seseorang bertindak diluar kawalan fikiran yang waras. Umpamanya seseorang yang dilanda perasaan cemburu, sekiranya perasaan ini tidak dihadapi dengan sabar, kemungkinan akan melakukan sesuatu yang boleh membinasakan diri atau orang lain. Sikap sabar perlu ada pada setiap orang untuk mengawal diri daripada melakukan sesuatu tindakan yang keterlaluan umpamanya mengawal perasaan cemburu. Perasaan cemburu kerap kali wujud terutama dalam kalangan remaja seperti apabila seorang gadis idamannya yang telah bertunang dengan jejaka lain. Apabila perasaan cemburu wujud dan tidak dikawal dengan kesabaran, lelaki tersebut sanggup melakukan apa sahaja untuk mencapai hajatnya memiliki gadis yang dicintainya seperti meminta gadis tersebut memutuskan pertunangannya agar dia berpeluang untuk memilikinya. Kiasan dengan menyuruh gadis itu membuka cincin dijarinya bermakna menyuruh gadis tersebut memutuskan hubungan dengan lelaki lain seperti dalam *talaala* berikut:

<i>Rahalong oi, rahalong oi</i>	Oh sayang, oh sayang
<i>Yangkango doho pondulung</i>	Tolong buka cincin
<i>Ayangkang kopio daa</i>	Kalau sudah buka
<i>Sowolion ku maganggong</i>	Saya akan ganti

Talaala ini menggambarkan perbuatan seorang lelaki yang berharap agar tunang gadis tersebut putus dan dia akan masuk meminang. Perbuatan seperti ini jelas menunjukkan sikap tidak sabar terhadap nafsunya. Oleh itu, *talaala* ini merupakan nasihat agar mengelakkan sikap mementing hawa nafsu yang boleh memusnahkan hidup

orang lain. Adakalanya disebabkan perasaan cemburu, seseorang sanggup menuduh tanpa usul periksa. Umpamanya, apabila melihat dua orang berlainan jantina yang sedang berjalan atau sedang bercerita tanpa ditemani oleh orang lain maka dituduh sedang melakukan perkara-perkara yang tidak senonoh seperti dalam *talaala* berikut:

<i>Tabpai –abpai nuluhon</i>	Perangkap di bukit
<i>Sinunsui tikus lomo</i>	Dilalui oleh tikus kecil
<i>Saala pod kopirumo</i>	Hanya berbual sahaja
<i>Om tandasan nod miabpai</i>	Dituduh melakukan maksiat

Kiasan tikus yang terperangkap dalam *tabpai* bermakna tuduhan kepada orang yang didapati berdua-duaan dan dituduh melakukan perbuatan yang tidak baik. Adakalanya tuduhan seperti itu dilakukan untuk menganiaya seseorang dengan menjatuhkan maruahnya. Ini disebabkan oleh perasaan cemburu yang tidak dikawal. *Talaala* berikutnya juga berkaitan dengan sikap cemburu:

<i>Tobu ku sanglangod-langod</i>	Tebu ku sepotong-sepotong
<i>Pinotipong kud liogu</i>	Ku ukur dalamnya sungai
<i>Momiogu ko noi ginsan</i>	Engkau mencemburi sayang
<i>Narantanud ku tiou</i>	Saya tersama-sama dengan gadis

Tiou (burung tiong) merupakan metafora kepada seorang gadis yang cantik dan peramah. Bulu burung tiong yang berwarna-warni adalah metafora kepada gadis yang mempunyai pakej kecantikan yang dikagumi oleh lelaki yang memandangnya seperti cara berpakaian, berdandan dan rajin membuat kerja. Suara burung yang merdu adalah gambaran kepada kehalusan budi bahasa dan keramahan seorang gadis. Oleh itu gadis seperti ini akan menjadi tumpuan kepada masyarakat di sekelilingnya. Keistimewaannya sehingga digelar sebagai *tiou* pasti akan ada yang mencemburunya sehingga sanggup menuduh yang bukan-bukan dengan tujuan ingin memfitnah atau mengaibkannya. Dengan itu *talaala* tersebut merupakan nasihat agar mengelakkan sikap cemburu. Perasaan seperti ini haruslah dikawal kerana ini boleh mendatangkan kemudaratkan bukan sahaja kepada diri sendiri tetapi juga kepada pihak yang menjadi sasaran.

Berhati-hati Menghadapi Pengaruh

Pengaruh adalah sesuatu keadaan yang mempunyai hubungan timbal balik atau hubungan sebab dan akibat antara apa yang mempengaruhi dan dipengaruhi. Pengaruh berupaya mengubah sesuatu yang boleh mengakibatkan sesuatu berlaku. Umpamanya apabila ada orang mengatakan suatu tempat itu lebih baik maka ada orang yang begitu cepat terpengaruh lalu membuat keputusan untuk berpindah sedangkan tempat itu belum dikenalpasti seperti yang dinyatakan dalam *talaala* berikut:

<i>Surung-surung pangasaan</i>	Menyorong-nyorong batu asahan
<i>Surung ponong kotonobon</i>	Bawa ke sebelah timur
<i>Koimpa nopo tonobon</i>	Bila melihat tempat itu
<i>Surung pogungguliai</i>	Disorongnya kembali ke tempat asal

Talaala ini mengisahkan perpindahan oleh penduduk sebuah kampung kerana terpengaruh dengan maklumat bahawa terdapat sebuah perkampungan yang kedudukannya lebih baik dan tanah yang subur. Penduduk

kampung bersepakat untuk berpindah ke tempat tersebut. Apabila sampai ke tempat baru, maklumat yang diterima tidak seperti yang dilihat dan dialami. Mereka merasa lebih sukar kerana kampung tersebut merupakan hutan tebal tanpa penduduk sedangkan di kampung asal, mereka telah mempunyai rumah dan ladang. Mereka kemudian kembali ke kampung asal. Hal ini menggambarkan penduduk tidak sabar dalam menghadapi kehidupan yang sukar. Oleh itu, *talaala* ini mengingatkan agar membuat perancangan secara rapi dan menyelidik maklumat yang diterima sebelum membuat keputusan. Ini akan menumbuhkan sikap sabar dalam menghadapi kehidupan dan mengelakkan sikap yang mudah terpengaruh dengan khabar angin.

IMPLIKASI DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan kepada perbincangan dapatan kajian, jelas membuktikan bahawa *talaala* memberikan sumbangan yang penting untuk mendidik masyarakat. Oleh itu berikutnya diperincikan implikasi *talaala* dalam pendidikan iaitu sebagai pembentuk masyarakat kerana *talaala* merupakan seruan agar masyarakat bersikap positif yang disampaikan secara berkias atau dengan ibarat, mengandung maksud untuk memberikan teladan, pengajaran, teguran dan perbandingan. Ciri-ciri masyarakat yang dibentuk adalah berdiplomasi, setia, merendah diri, tekun, berbakti, bertoleransi, sopan, rasional, penyabar, menghormati berperibadi ikhlas dan bijaksana seperti yang dibincangkan berikutnya.

Masyarakat Berdiplomasi

Sikap seseorang yang suka menabur fitnah, boleh mengancam kestabilan dan menganggu-gugat keamanan negara. Orang yang suka memfitnah merupakan ‘wira jangka pendek’ bagi memenuhi tuntutan jiwa yang kacau dan memikirkan kepuasan setelah fitnah itu tersebar. Si pemfitnah dan penyebar fitnah tidak memikirkan hal-hal yang berlaku kelak. Namun golongan ini harus berhadapan dengan kenyataan jika fitnah itu palsu semata-mata. Oleh itu *talaala* diungkapkan untuk memberikan kesedaran terhadap akibat daripada perbuatannya. Seterusnya memberikan keinsafan agar bertaubat dan memohon ampun daripada orang yang difitnah. Ini disebabkan amalan fitnah secara berterusan akan memberi implikasi buruk, malah lebih dahsyat daripada membunuh. Jika membunuh hanya melibatkan orang tertentu dan akan berakhir pada satu masa tertentu. Tetapi fitnah boleh menjatuhkan maruah seseorang. Akibat buruk daripada perbuatan fitnah adalah menimbulkan perpecahan, perbalahan, kemusnahan harta dan nyawa dalam jangka masa yang sukar dibendung dan disekat. Matlamat fitnah adalah untuk memburukkan dan mencemarkan maruah seseorang, lebih-lebih lagi mereka yang mempunyai kedudukan atau pangkat. Dalam hal ini *talaala* jelas mempunyai peranan untuk memberikan keinsafan dan pengajaran kepada khalayak agar mengelakkan perbuatan yang negatif. Ini akan memberikan sumbangan kepada pembentukan masyarakat yang berdiplomasi iaitu mengutamakan saluran yang betul dalam menyuarakan pendapat seperti perundingan. Untuk menjayakan sesuatu perundingan memerlukan masyarakat yang mengamalkan nilai saling menghormati, bekerjasama, jujur dan adil. Nilai-nilai ini berkaitan dengan nilai-nilai murni dalam pendidikan.

Masyarakat Yang Setia

Talaala memberikan pendidikan bahawa kesetiaan dalam kehidupan masyarakat terutamanya institusi kekeluargaan. Kesetiaan harus dibina setelah melangkah ke alam perkahwinan dengan usaha memperbaiki kelemahan dan sentiasa muhasabah diri. Ini disebabkan kesetiaan merupakan tunjang kekuahan institusi kekeluargaan. Konsep ini menunjukkan bahawa kebahagiaan dan keharmonian rumah tangga bermula daripada kesetiaan setiap pasangan. Sekiranya salah seorang daripada mereka curang, ia pasti akan membawa kepada perceraian.

Pendidikan ini amat berguna kepada masyarakat kerana ia tidak memerlukan modal tetapi memerlukan usaha yang tinggi dalam menghadapi dan mengharungi cabaran hari-hari yang mendatang. Tujuan membina kehidupan berkeluarga adalah terus berkekalan sehingga ke hujung nyawa tanpa membangkitkan isu-isu yang boleh meretakkan hubungan seperti pergaduhan akibat daripada kelunturan kesetiaan. Institusi keluarga merupakan platform dasar kepada masyarakat sebelum ia memasuki dalam struktur sosial yang lebih besar lagi. Sebab itulah kekuatan institusi kekeluargaan perlu dititikberatkan agar pembinaan negara bangsa mencapai matlamatnya, iaitu masyarakat berbilang kaum yang bersatu padu dalam sebuah negara yang dipayungi oleh keadilan. Ini menjadikan *talaala* sesuai sebagai bahan pengajaran untuk menyerapkan nilai-nilai tersebut.

Masyarakat Yang Mempunyai Kerendahan Hati

Orang yang merendah diri berlawanan dengan sikap orang yang sompong. Ciri-ciri seorang yang sompong adalah enggan duduk bersama, pendapatnya tidak boleh dibantah, tidak suka menerima nasihat orang lain, suka menonjolkan diri, memandang rendah kepada keupayaan orang lain dan apabila berkuasa ia menjadi diktator atau zalim. Sikap seperti ini akan menganiaya orang lain, mengancam perpaduan apabila orang yang dianaya menuntut hak dan kebenaran malahan boleh menjelaskan sesuatu pentadbiran atau pemerintahan.

Dengan itu, *talaala* merupakan medium yang sesuai untuk memberikan pengajaran memperbaiki sikap sompong seseorang agar berubah dengan mengamalkan sikap sabar dengan cara suka merendah diri. Pemupukan sikap merendah diri akan melahirkan insan yang mempunyai rasa persamaan, rasa hormat kepada orang lain, suka bertolak ansur, cinta kepada keadilan dan sentiasa bersimpati. Sikap-sikap seperti ini dapat memantapkan keperibadian diri seseorang. Dengan adanya rasa simpati akan memungkinkan seseorang menaruh belas kasihan serta sanggup memberikan pertolongan dengan kadar kemampuannya dari segi harta hinggalah kepada tenaga, nasihat yang baik dan tutur kata yang menyenangkan. Ini bersesuaian dengan pendapat Ani Omar (2013) yang menyatakan apabila sifat merendah diri bertakhta berhati maka hilanglah sifat ‘takabbur’ kerana Allah telah mewajibkan setiap umatnya menjauhkan diri daripada sikap keji ini.

Masyarakat Yang Bertoleransi

Talaala memberikan pendidikan untuk mengamalkan sikap bertoleransi dengan sikap berbelas kasihan, bertimbang rasa, saling memahami dan saling memaafkan akan mewujudkan kehidupan masyarakat yang mempunyai sikap muafakat, pandai menyesuaikan diri dengan anggota lain dan mengikut adat resam dalam masyarakat tersebut. Masyarakat bertoleransi seperti ini hidup bersatu padu dan bekerjasama kerana saling mematuhi kepada adat dan undang-undang sesebuah kelompok masyarakat sebagai usaha untuk menyesuaikan diri dengan masyarakat setempat. Ini akan mewujudkan kesejahteraan, keamanan dan kebahagiaan masyarakat sejagat.

Talaala yang menerapkan pendidikan seperti ini memberikan gambaran supaya generasi muda mengukuhkan perpaduan khususnya di antara pelbagai kaum dalam negara agar sentiasa aman dan makmur. Penerapan pendidikan sedemikian bertepatan dengan objektif penerapan dan penyerapan nilai murni dalam KBSM iaitu menerapkan semangat cintakan nilai baik dan bencikan keburukan (Hamzah, 2011).

Masyarakat Yang Rasional

Talaala yang berperanan memberikan pendidikan untuk menumbuhkan sikap sabar dalam menjalani kehidupan dunia menekankan kepentingan pemikiran yang waras dan tenang dengan tidak mudah terdorong oleh perasaan yang melulu atau mengikut hawa nafsu. Pemikiran yang rasional dan berhati-hati ialah sentiasa berwaspada

terhadap sebarang perkara dan berhati-hati dalam segala tindakan dan perbuatan. Sentiasa mengelakkan sikap terburu-buru yang memungkinkan terjadinya peristiwa terpilih yang buruk dan terbuang yang baik seperti peribahasa Melayu ‘jikalau menampi, jangan tumpah padinya. Peribahasa ini bermakna jika memilih, sentiasalah berhati-hati agar sesuatu yang baik tidak terbuang.

Demikian juga dengan peribahasa ‘lemak manis jangan ditelan, pahit jangan dimuntahkan’ yang bermaksud jangan mudah terpedaya dengan yang manis, jangan cepat membuang apa yang tidak disukai. Sebaliknya hendaklah mengamalkan sikap melakukan sesuatu keputusan dengan berhati-hati dan adil, sentiasa memikirkan kebaikan dan keburukan sesuatu perkara sebelum bertindak serta sentiasa menyelidiki kebenaran sesuatu berita yang didengar. Pendidikan ini berkaitan dengan peribahasa ‘menarik rambut di dalam tepung, rambut jangan putus, tepung jangan berserak’, jangan sampai sesat barat, sepuluh kali diukur’ dan khabar jauh didengar, khabar dekat difikir-fikirkan.

Masyarakat Yang Penyabar

Sabar membawa makna tahan dan berani mengalami derita. Ketahanan ini perlu disertai dengan kekuatan rohani dan jasmani untuk mengalami derita dan sanggup untuk melaksanakan sesuatu tanggungjawab sesuai dengan agama dan norma masyarakat. Umpamanya kesabaran dalam menahan nafsu sama ada nafsu terhadap harta duniawi mahupun nafsu syahwat iaitu dorongan melakukan sesuatu yang bertentangan dengan ajaran agama atau adat istiadat seperti dalam *talaala* yang menyebut berlakunya kecurangan kerana tidak sabar menghadapi godaan nafsu. Sikap seperti ini merosakan sistem kekeluargaan sekaligus menjelaskan keharmonian masyarakat. Oleh itu *talaala* dapat memainkan peranan agar mewujudkan keseimbangan ini dengan menegur perlakuan orang yang tidak mempunyai kesabaran mengawal nafsu agar memperbaiki perlakuannya dan beroleh kesedaran akan kepentingan menjaga hubungan dengan sebaiknya. Ini bersesuaian dengan matlamat penerapan dan penyerapan nilai murni melalui semua mata pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) iaitu untuk melahirkan insan dan warganegara yang baik serta memiliki akhlak yang mulia (Kementerian Pendidikan, 1988).

PENUTUP

Secara keseluruhan, kajian ini mendapati bahawa *talaala* memberikan sumbangan yang besar dalam pendidikan. Bahan ini sarat dengan nilai-nilai pendidikan yang sesuai dan berkesan untuk membantu mencapai objektif-objektif falsafah pendidikan negara iaitu pertama, untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Kedua, untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis, pendidikan dijalankan secara berterusan untuk membantu individu merealisasikan potensinya secara menyeluruh dan bersepadu. Ketiga, untuk melahirkan insan yang berilmu, berketerampilan dalam mencari kesejahteraan diri. Keempat, untuk melahirkan rakyat yang telah mempunyai kesejahteraan dan keharmonian hidup, mampu memberikan sumbangan kepada keharmonian dan kemakmuran masyarakat serta negara.

Ciri-ciri *talaala* yang dapat disebarluaskan secara meluas, mudah disesuaikan dengan pelbagai konsep dan sasaran, membolehkan pelajar mempelajari cara komunikasi yang lebih sopan dan boleh menajamkan minda, dapat menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih berkesan dan bermakna. Selain itu, bahan ini dapat memenuhi kemahiran-kemahiran pembelajaran bahasa ini terutamanya untuk domain *kolumison boros* (keindahan bahasa).

RUJUKAN

- Ani Omar. (2013). *Keindahan Peribahasa Cerminan Peribadi Insan* dalam Sang Budiman. Selangor: PTS Akademia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1988). *Konsep-konsep Asas dalam Falsafah Pendidikan Negara*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Low Kok On, Kandok. J., Kiting,R., Cheang, S.C dan Nornis, S. (2013). *Teka-teki Warisan Peribumi Sabah: Konteks, Fungsi dan Pengkategorian*. Kota Kinabalu:Kementerian Pelangongan dan Kebudayaan Malaysia dan Universiti Malaysia Sabah.
- Tombung, R. B. (1994). *Sastera Dusun*. Kota Kinabalu: Persatuan Dusun Sabah Bersatu.
- Udong, R. F. (1995). Peranan Bahasa Kadazandusun Dalam Pembangunan Seni dan Sastera Tempatan. *Kopoilaan Koubasanan Oktober- Disember Vol.3KDCA:24- 33.*